

PENERANGAN INFOGRAFIK

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2022. Laporan ini mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022

Bahagian II : Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

- a. Penyata kewangan ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2022.
- b. Mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- c. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Hal-hal Lain

Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan bahawa sebarang transaksi dan polisi kewangan yang dibuat yang memberi kesan kepada pelaporan penyata kewangan hendaklah dilaksanakan selaras dengan Piawai Perakaunan Kerajaan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

1.3. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

a. Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan

- i. Terimaan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM295.764 bilion yang terdiri daripada terimaan hasil berjumlah RM294.357 bilion dan pelbagai terimaan berjumlah RM1.407 bilion. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM395.246 bilion yang terdiri daripada perbelanjaan

mengurus berjumlah RM292.693 bilion, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM71.574 bilion dan perbelanjaan Covid-19 berjumlah RM30.979 bilion.

- ii. Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit berjumlah RM99.482 bilion dengan nisbah kepada KDNK sebanyak 5.6% berbanding RM98.740 bilion atau 6.4% kepada KDNK pada tahun 2021.

b. Kedudukan Aset dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan

- i. Aset Kewangan Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum pada 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM139.554 bilion. Aset Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM105.524 bilion (2021: RM113.045 bilion) dan pelaburan dalam pegangan ekuiti syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa yang berjumlah RM34.030 bilion (2021: RM33.862 bilion).
- ii. Liabiliti Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan di dalam Penyata Akaun Memorandum pada 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM1.399 trilion. Liabiliti Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

JADUAL 1
KEDUDUKAN LIABILITI KERAJAAN PERSEKUTUAN

JENIS LIABILITI	TAHUN		PERUBAHAN (RM Bilion)
	2022 (RM Bilion)	2021 (RM Bilion)	
Hutang Persekutuan	1,079.591	979.814	99.777
Komitmen Kewangan	284.924	289.506	(4.582)
Liabiliti PFI	34.492	35.575	(1.083)
Pelbagai Liabiliti	0.155	0.151	0.004
JUMLAH	1,399.162	1,305.046	94.116

c. Analisis Nisbah Hutang Kerajaan Persekutuan

JADUAL 2
ANALISIS NISBAH HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

NISBAH	TAHUN	
	2022 (%)	2021 (%)
Nisbah Statutori Hutang kepada KDNK	57.6	59.6
Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK	60.3	63.3
Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK	78.1	84.3

i. Nisbah Statutori Hutang kepada KDNK

- Seksyen 2 Akta A1635 telah meminda had statutori hutang berbanding KDNK kepada 65% berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022. Had statutori Hutang Persekutuan ini melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan, dan Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM1.032 trilion iaitu bersamaan dengan 57.6% kepada KDNK berbanding 59.6% pada tahun 2021.

ii. Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK

- Hutang Persekutuan adalah berjumlah RM1.080 trilion, iaitu meningkat sejumlah RM99.776 bilion atau 10.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM979.814 bilion. Nisbah hutang kepada KDNK adalah pada kadar 60.3% (2021: 63.3%).
- Kedudukan Hutang Persekutuan terdiri daripada pinjaman dalam negeri berjumlah RM1.050 trilion atau 97.3% manakala hutang luar negeri berjumlah RM29.513 bilion atau 2.7%. Pinjaman dalam negeri mencatatkan peningkatan sejumlah RM99.994 bilion atau 10.5%, manakala hutang luar negeri berkurangan sejumlah RM0.218 bilion atau 0.7%.

iii. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK

- Liabiliti Persekutuan yang terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Liabiliti Kewangan adalah berjumlah RM1.399 trilion, iaitu meningkat sejumlah RM94.116 bilion atau 7.2% berbanding tahun 2021 yang berjumlah RM1.305 trilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 78.1% pada tahun 2022 berbanding 84.3% pada tahun 2021.
- Liabiliti Kewangan terdiri daripada Liabiliti PFI, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti yang berjumlah RM319.571 bilion berbanding RM325.232 bilion pada tahun 2021.

2. Secara keseluruhannya, sebanyak tiga syor telah diberi oleh Ketua Audit Negara kepada Kerajaan Persekutuan bagi Pengesahan Penyata Kewangan.